

Headline	Peka, bersedia hadapi banjir elak kecelakaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	13
ArticleSize	363 cm ²	Journalist	Nurul Shafiqah Husna
PR Value	RM 36,060		



Peka, bersedia hadapi banjir elak kecelakaan

Nurul Shafiqah
Husna Mohamad
Zakila,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Setiap kali menjelang November, kita akan mula mendengar berita mengenai impak Monsun Timur Laut yang membawa hujan lebat dan banjir. Fenomena yang berlaku sehingga Mac itu sudah menjadi hal biasa terutama bagi negeri di Pantai Timur.

Ketika ini juga, kita masih lagi berada dalam lingkungan Monsun Timur Laut berdasarkan jangkaan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada 30 November lalu dan ia dijangka berterusan hingga Mac nanti.

MetMalaysia turut melaporkan angin Monsun Timur Laut akan konsisten bertipi antara 10 hingga 20 kilometer per jam dan dijangkakan akan berlaku beberapa siri hujan lebat di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan barat Sarawak. Namun bagi negeri lain di Malaysia, jika luruan monsun yang berlaku adalah kuat dan pada masa sama wujud sistem cuaca tekanan rendah, risiko hujan lebat tetap berlaku.

Justeru dengan ramalan ini, kita seharusnya sudah membuat persediaan rapi. Secara umum terdapat tiga fasa persediaan yang perlu dibuat oleh masyarakat untuk menghadapi musim banjir ini iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Bagi persediaan sebelum menghadapi musim banjir, kita hendaklah peka dengan keadaan semasa di sekitar kawasan tempat tinggal, khususnya penduduk bagi kawasan berpotensi tinggi. Kepekaan itu bukan sekadar pada perubahan cuaca tetapi juga sentiasa peka dengan berita ataupun arahan daripada pihak berkuasa kerana hujan lebat dan berpanjangan ini akan mempercepatkan kadar

peningkatan paras air dengan sekilip mata sahaja. Selain itu, kita juga perlu menyimpan segala dokumen penting seperti kad pengenalan dan dokumen peribadi serta lain-lain barang berharga di tempat mudah dicapai sebelum bergerak keluar ke pusat pemindahan banjir.

Dalam masa sama, pastikan bateri telefon bimbit anda dicas penuh dan mampu bertahan untuk tempoh yang lama bagi kegunaan pada masa-masa kecemasan.

Blak terkena renjatan elektrik

Anda juga perlu berhati-hati dengan arus elektrik ketika musim banjir ini. Jangan menyentuh segala barang elektrik untuk mengelakkan daripada terkena renjatan. Ketika mendapat arahan untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS), diingatkan kepada mangsa banjir untuk menutup se-

mua suis di rumah masing-masing.

Namun hal yang tidak kurang penting adalah anda perlu menjaga kesihatan diri kerana musim banjir memudahkan penularan pelbagai wabak. Pastikan makanan yang diambil cukup masak dan minumlah air yang dirawat.

Jika banjir sudah pulih, pastikan keselamatan apabila kembali ke rumah, pakai kelengkapan sebaiknya misalnya kasut bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini, selain lebih berhati-hati. Ketika mencuci rumah, mangsa banjir hendaklah membuat segala makanan rosak termasuklah makanan di dalam tin yang ditenggelami banjir bagi mengelakkan daripada keracunan makanan.

Konklusinya, rakyat Malaysia hendaklah berga-gaga dan peka dengan keadaan cuaca. Banjir bukanlah pesta untuk diraikan tetapi bencana yang perlu dihindari.

